

IBUPROFEN FILM COATED TABLET

Ibuprofen (400mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan IBUPROFEN F.C. TABLET
2. Bagaimana IBUPROFEN F.C. TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan IBUPROFEN F.C. TABLET
4. Cara menggunakan IBUPROFEN F.C. TABLET
5. Semasa menggunakan IBUPROFEN F.C. TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan IBUPROFEN F.C. TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan IBUPROFEN F.C. TABLET

IBUPROFEN F. C. TABLET diguna untuk melegakan keradangan dan kesakitan yang disebabkan oleh reumatoid arthritis (gangguan keradangan sistemik yang memberi kesan kepada sendi) dan *osteoarthritis* (penyakit sendi degeneratif). Ia boleh digunakan untuk melegakan sakit otot dan sakit ketika haid.

Bagaimana IBUPROFEN F.C. TABLET berfungsi

Ibuprofen ialah sejenis ubat *non-steroidal anti-inflammatory agent* (NSAIDs), yang mengurangkan kesakitan dan keradangan.

Sebelum menggunakan IBUPROFEN F.C. TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan IBUPROFEN F.C. TABLET: jika anda alah atau hipersensitiviti kepada Ibuprofen atau bahan kandungan lain yang disenaraikan didalam risalah ini.

Sekiranya anda mengalami tindak balas hipersensitiviti seperti polip hidung, angioedema (bengkak sekitar kawasan mata dan bibir, kadangkala di kawasan intim, tangan dan kaki) serta tindak balas *bronchospastic* (halangan dalam penafasan) terhadap Aspirin atau ubat *non-steroidal anti-inflammatory* yang lain (NSAIDs).

Jangan gunakan ubat ini jika situasi diatas berkenaan dengan anda. Sekiranya tidak pasti, sila dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

- Sebelum menggunakan IBUPROFEN F.C. TABLET

Beritahu doktor

1. jika anda mempunyai atau pernah mengalami ulser, pendarahan dan perforasi di kawasan perut dan usus.
2. jika anda tergolong dalam golongan warga emas.
3. jika anda merokok atau mengambil minuman beralkohol.
4. jika anda menghadapi penyakit jantung atau strok.
5. jika anda menghadapi tekanan darah tinggi
6. jika anda mempunyai pembendungan cecair atau kegagalan jantung.
7. Ibuprofen mengakibatkan alahan kulit yang teruk seperti *exfoliative dermatitis*, *toxic epidermal necrolysis*, *Steven-Johnson Syndrome*. Gejalanya termasuk ruam kulit, lepuh, dan mengelupas dan ianya boleh menjadi tanda-tanda yang serius. Sekiranya tindak balas berlaku, berhenti daripada menggunakannya dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.
8. jika anda menghadapi gangguan pendarahan.
9. jika anda mempunyai gangguan pendarahan atau anda mengambil antikoagulan secara oral (agen penipisan darah).
10. jika anda mempunyai jangkitan.
11. jika anda mengalami penyakit hati atau buah pinggang.
12. sila rujuk kepada doktor sebelum menggunakan IBUPROFEN F.C. TABLET sekiranya anda mengandung, bercadang untuk mengandung, menyusukan anak, atau berhasrat untuk menyusukan anak. Doktor anda akan mengkaji risiko and manfaat terhadap anda sekiranya anda menggunakan IBUPROFEN F.C. TABLET.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk yang ubat tanpa preskripsi yang dibeli dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat yang diambil bersama IBUPROFEN F.C. TABLET boleh mengakibatkan tindak balas sesama sendiri. Ini termasuk:

- Hydantoin, ubatan untuk merawat sawan.
- Sulfonamides, sejenis antibiotik.
- Sulfonylureas, ubatan untuk diabetes.

- Antikoagulan, agen penipisan darah.
- Aspirin, ubatan untuk jantung.
- NSAIDs lain

Cara menggunakan IBUPROFEN F.C. TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

IBUPROFEN F. C. TABLET perlu diambil mengikut preskripsi oleh doktor.

Jangan melebihi 3,200mg dos dalam sehari. Jika menghadapi masalah perut atau usus, ambil IBUPROFEN F.C. TABLET bersama makanan atau susu.

Analgesik (melegakan kesakitan) & *antipiretik* (mengurangkan demam) : 600-1,200mg setiap hari, dengan pembahagian dos harian.

Untuk kes arthritis reumatoid dan osteoarthritis (penyakit sendi) : 1,200-3,200mg setiap hari dengan pembahagian dos.

Senggugut (kesakitan ketika datang bulan): 400mg setiap 4 jam apabila perlu untuk melegakan kesakitan.

Dos yang disyorkan untuk kanak-kanak: 20mg/kg berat badan setiap hari, dengan pembahagian dos.

Tidak disyorkan untuk kanak-kanak bawah umur 1 tahun atau untuk kanak-kanak yang berat kurang daripada 7 kg. Untuk penggunaan jangka pendek sahaja.

- Bila perlu digunakan

IBUPROFEN F. C. TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

IBUPROFEN F. C. TABLET perlu diambil mengikut arahan doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah mendekati masa pengambilan dos yang seterusnya, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital yang terdekat, sekiranya anda merasakan anda atau orang lain mungkin telah mengambil ubat ini

secara berlebihan. Lakukan tindakan ini walaupun tiada tanda ketidakselesaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan IBUPROFEN F.C. TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan IBUPROFEN F.C. TABLET. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil ubat ini atau mengubah dos yang sedang diambil tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan IBUPROFEN F.C. TABLET terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan yang mungkin terjadi adalah rasa loya, sakit bahagian abdomen, pedih ulu hati dan cirit-birit. Kesan sampingan yang lain seperti pening, gangguan sistem pencernaan, sakit kepala, ketakutan, *pruritus* (gatal-gatal kulit), *tinnitus* (deringan dalam telinga), kemurungan, insomnia, kabur penglihatan, *thrombocytopenia* (kiraan platelet darah yang rendah), *agranulocytosis* (sel darah putih yang rendah), hipersensitiviti, serta gangguan terhadap fungsi hati dan buah pinggang.

Sekiranya anda berhadapan kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan disini, sila rujuk doktor anda dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumer*→*Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan IBUPROFEN F.C. TABLET

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

- Pelupusan

Lupuskan ubat ini jika anda tidak lagi mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi tentang cara pengendalian ubat yang tertinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk elips bersalut filem berwarna putih, kedua-dua permukaan di diembos dengan garisan.

“”.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Ibuprofen

- Bahan tidak aktif

Sodium starch glycolate, hydroxypropyl cellulose-L, talc, magnesium stearate, aerosil #200, hydroxypropyl methylcellulose, polyethylene glycol, dimethylpolysiloxane, air tulen.

- Nombor MAL

MAL19930602AZ

Pengilang

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

3/12/15

Nombor siri:

BPFK(R4/1)031215/00480